

24/11/2001

PP jadi perintis lahir jaguh skuasy

PULAU Pinang bakal menjadi perintis dalam melahirkan lebih ramai jaguh skuasy bertaraf dunia dengan penubuhan Akademi Skuasy Remaja yang dijangka beroperasi Januari ini di Kompleks Skuasy Antarabangsa di Bukit Dumbar.

Penubuhan akademi itu membabit kos lebih RM250,000 dan Mulpha Sports Sdn Bhd muncul penaja terbesar apabila menyumbang di antara RM150,000 dengan RM200,000 berupa wang tunai serta keperluan asas.

Pengarah Mulpha International Bhd, Denis Low berkata, pihaknya berbuat demikian kerana ingin melihat lebih ramai pemain skuasy seperti Ong Beng Hee, Nicol Ann David dan Mohd Azlan Iskandar.

"Kejayaan Nicol mempertahankan kejuaraan dunia remaja di Pulau Pinang, Julai lalu menarik lebih ramai minat kanak-kanak. Menerusi tajaan ini, kami percaya ia dapat meringankan beban Persatuan Raket Skuasy Malaysia (SRAM).

"Ia juga boleh digunakan bagi membiayai keperluan pelatih dan gaji jurulatih asing," katanya selepas majlis penajaan Kejohanan Skuasy Terbuka Malaysia di Petaling Jaya, semalam.

Pengerusi projek pembangunan 2006 SRAM, Datuk Mohkzani Mahathir berkata, perkembangan terbaru itu akan menyaksikan Pulau Pinang muncul pusat pembangunan program remaja skuasy.

"Kami ingin jadikan skuasy sukan bertaraf dunia dan sebarang program mesti bermula di peringkat remaja ini.

"SRAM melihat ramai kanak-kanak berbakat tetapi mereka perlukan galakan ibu bapa," katanya.

Mokhzani berkata, persatuan turut mengenal pasti lebih 300 remaja mengikuti program di akademi berkenaan sewaktu karnival skuasy remaja.

Bagi tahun pertama, SRAM hanya mengambil peserta dari Pulau Pinang dan membukanya kepada pelatih dari Perak, Perlis serta Kedah tahun depan.

Akademi itu akan dikendalikan bersama Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Pulau Pinang, SRAM, Persatuan Raket Skuasy Pulau Pinang.

(END)